



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENGHARGAAN KEPADA
PESERTA PROGRAM
*CROSS FERTILIZATION (PCF)***

**19 NOVEMBER 2012 (ISNIN)
2.00 PETANG**

**PUSAT KONVENSYEN
ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam

YBhg. Dato' Husni Zai Yaacob

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Luar Negeri

YBhg. Datuk Hj. Salleh Bin Yusup

Ketua Pengarah DBKL

YBhg. Datin Teh Ija Mohd Jalil
Pengarah Eksekutif, Sumber Korporat
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

YBrs. Puan Rowina Seth Ghazali
Pengarah Perhubungan Kerajaan
Shell Malaysia Limited

YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Bin Zainal
Ketua Pengarah MAMPU

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji
Ahmad
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

YBhg. Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

YBhg. Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Para peserta Program *Cross Fertilization*;
dan

Hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam satu majlis yang amat bermakna pada hari ini.

UCAPAN TERIMA KASIH

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua

yang hadir ke Majlis Penghargaan kepada Peserta Program *Cross Fertilization* ini. Sesungguhnya kehadiran para hadirin menunjukkan komitmen serta sokongan yang penuh terhadap usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan negara.

Para hadirin sekalian,

2. Majlis ini merupakan *showcase* kepada kejayaan pelaksanaan program PCF yang merupakan cetusan idea YAB Perdana Menteri dan menjadi permulaan kepada dasar pintu terbuka di mana pegawai-pegawai perkhidmatan awam dipinjamkan ke badan, syarikat atau agensi

yang berkaitan dan pegawai-pegawai luar dipinjamkan ke perkhidmatan awam. Justeru, majlis pada hari ini turut bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang telah mengakhiri penempatan mereka di bawah Program *Cross Fertilization* dengan pelbagai badan dan juga agensi, sama ada awam mahupun swasta.

SEJARAH AWAL PROGRAM PCF

3. Mengimbau detik permulaan program ini, program PCF dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) merupakan antara program awal yang telah dilaksanakan dengan 38 orang pegawai berjaya

menamatkan penempatan mereka pada 30 September 2010 yang lalu.

4. Melihat kepada kejayaan kumpulan tersebut, program PCF ini diteruskan kerana ia dilihat dapat menjadi satu mekanisme baru untuk menggalakkan pemindahan dan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kepakaran di antara pelbagai sektor. Fokus program ini telah diberikan kepada bidang-bidang utama iaitu Pengurusan Sumber Manusia, Perolehan, Ekonomi dan Kewangan. Saya percaya program ini boleh dikembangkan meliputi bidang pengkhususan lain seperti sains dan teknologi, sosial, keselamatan dan sebagainya, sekiranya bersesuaian.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Organisasi pada masa kini telah menjadi bertambah kompleks. Seringkali, apabila sesebuah organisasi menghadapi masalah, kita akan berusaha mencari *root cause*, di mana seseorang akan dipertanggungjawabkan atau dipersalahkan. Kita juga sering mendengar bahawa masalah yang sama di organisasi tertentu berulang, walau pun ianya diterajui oleh muka baru. Sebenarnya, di mana-mana organisasi pun masalah kebiasaannya adalah bersifat *multi-causal*.

6. Bagi mengatasi masalah ini, seseorang pemimpin itu wajar memahami secara komprehensif mengenai organisasi

yang dipimpinnya sehingga ke peringkat kognitif dan emosi. Kita memerlukan perubahan minda untuk membolehkan kita berfikir secara sistematik dan sentiasa melihat dari 4 kacamata yang berbeza iaitu Individu; Kumpulan; Organisasi; dan Masyarakat bagi menangani masalah yang dihadapi.

MENERAPKAN KONSEP CTI-PCI

7. Ini sejajar dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang menyatakan bahawa penjawat awam perlu sentiasa mengambil sikap Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian. Sikap ini kemudiannya perlu disokong dengan PCI - '*Productivity,*

Creativity and Inovation', supaya Perkhidmatan Awam tidak dilihat bagi sentiasa cepat berpuas hati dengan pencapaian serta urusan harian, atau selesa dengan "*business as usual*". Pegawai Perkhidmatan Awam juga perlu terus berusaha gigih secara terancang untuk meningkatkan prestasi supaya rakyat berasaskan kerajaan dan perkhidmatan awamnya sentiasa dapat memberi kepuasan yang meningkat kepada masyarakat. CTI /PCI ini mencerminkan proses pembaharuan yang perlu dilakukan agar menjadi lebih inovatif, dan yang kita inginkan sebagai sebuah perkhidmatan kerajaan yang sentiasa mencari idea-idea baru yang lebih bernas untuk rakyat.

MENCONTOHI KEJAYAAN RTC DAN UTC

8. Selain daripada itu, saya juga melihat bahawa kejayaan program PCF ini membuktikan bahawa agensi awam dan swasta kini tidak lagi bergerak dengan mentaliti silo tetapi telah dapat sama-sama berkongsi kepakaran demi penambahbaikan dalam sistem serta proses kerja. Sesungguhnya program pertukaran seumpama ini akan berupaya meningkatkan produktiviti bagi merealisasi dan menyokong agenda transformasi yang digagaskan oleh Kerajaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam kejayaan penubuhan RTC dan UTC. Sebagaimana yang umum ketahui, RTC dan UTC merupakan *one-stop centre* yang

menempatkan pelbagai agensi Kerajaan serta swasta di bawah satu bumbung untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

HARAPAN

9. Begitu juga harapan saya terhadap program PCF ini. Semoga ia tidak berhenti di satu takuk sahaja tetapi dengan kemahiran dan ilmu yang diperolehi oleh pegawai-pegawai PCF, tuan-tuan semua mampu berkongsi dan menyebarkan pengalaman tersebut kepada rakan-rakan di Kementerian dan agensi masing-masing agar manfaatnya dapat dinikmati bukan sahaja untuk individu tersebut tetapi juga kepada organisasi secara keseluruhannya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya yakin bahawa program PCF ini dapat memberikan impak yang positif kepada para peserta, agensi Kerajaan dan organisasi yang terlibat serta rakan sejawat. Hasil daripada maklumbalas yang diterima, program PCF telah memberikan pendedahan yang sangat berguna kepada pegawai kerana penglibatan secara langsung pegawai dalam proses kerja dan hal ehwal pengurusan, memberikan impak positif dan mencapai objektif program dan membolehkan pegawai memahami perbezaan budaya kerja di tempat lain.

10. Bertepatan dengan salah satu objektif program ini iaitu mewujudkan generasi

pemimpin berprestasi tinggi (*high performing leaders*) di masa hadapan, saya yakin bahawa para peserta yang kembali ke organisasi masing-masing akan membawa impak besar dan perubahan signifikan bagi membantu melonjakkan Negara kita untuk berada di kelompok 5 negara terbaik di dunia sebagaimana yang dicita-citakan oleh YAB Perdana Menteri melalui *Government Transformation Programme*.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen

serta kerjasama semua pihak yang terlibat terutamanya Ketua-ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah Agensi Kerajaan dan Ketua-ketua Eksekutif dalam menentukan kejayaan program ini khususnya kepada DBKL, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Shell Malaysia Limited, Kementerian Luar Negeri, Colombo Plan Secretariat dan pelbagai syarikat GLCs kerana telah sudi mengadakan usahasama untuk merealisasikan program PCF pada kali ini. Dalam hal ini, sokongan dan kerjasama semua ketua-ketua kementerian, jabatan dan agensi ini amat dihargai dan saya mengharapkan agar momentum ini diteruskan dalam memastikan kelangsungan serta kelancaran program PCF di masa-masa akan datang.

12. Saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan program ini. Apa yang penting ialah budaya kualiti dan kecemerlangan perlu dikekalkan dan usaha-usaha perlu dipergiat bagi menjana idea-idea baru kearah mencapai tahap kualiti yang lebih tinggi.

Sekian.

Wabillahittaufik walhidayah

Assalamualaikum warahmatullah

wabarakatuh.

Terima kasih.